

Headline	Bakal haji ambil suntikan tiga jenis vaksin		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Aug 2014	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	9	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	92 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,210
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,630



## Bakal haji perlu ambil suntikan tiga jenis vaksin

KUANTAN 10 Ogos - Bakal jemaah haji pada musim ini perlu mendapatkan suntikan tiga jenis vaksin iaitu meningitis, pneumonia dan influenza sebelum berangkat ke tanah suci berikutan penularan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS-Cov) di Arab Saudi dan penyakit Virus Ebola (EVD) di Afrika Barat.

Pengurus Besar, Perancangan Strategik dan Urus Tadbir, Lembinga Tabung Haji (Tabung Haji), Zulkarnain Asmawi berkata, pihaknya mencadangkan suntikan itu dilakukan dua minggu sebelum berangkat dan dilakukan satu persatu

sebagai langkah mencegah dijangkiti virus berkenaan.

"Setiap bakal jemaah haji perlu menjaga asas kebersihan diri walaupun Tabung Haji sentiasa melakukan pemantauan kesihatan terhadap 22,320 jemaah haji pada kali ini.

"Mereka diingatkan supaya menjaga kesihatan sejak di tanah air dan sepanjang berada di tanah suci. Suntikan vaksin bagi membendung penularan penyakit dan hendaklah lengkap sebelum ke sana," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian dan

Penutupan Kursus Perdana Haji Musim 1435 peringkat negeri di Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 di sini semalam.

Majlis tersebut dirasmikan Pengurus Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-tugas Khas negeri, Datuk Syed Ibrahim Syed Ahmad.

Sebanyak 1,200 bakal jemaah haji dari negeri ini diberikan pendedadhan melaksanakan ibadat haji melalui latihan amali secara simulasi seperti bertawaf, saie, melontar jamrah serta amalan-amalan secara berkumpulan.